



## BAB 2: RASUL PENYAMPAI WAHYU



### Soalan 1(a)i – iii Kertas 2

قُلْ لَا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي خَزَائِنُ اللَّهِ وَلَا أَعْلَمُ الْغَيْبَ وَلَا أَقُولُ لَكُمْ إِنِّي مَلَكٌ ۗ إِن أَنْتُمْ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ ۗ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ  
أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ ﴿٥٠﴾

(Surah Al-An'am: Ayat 50)

Ayat di atas menerangkan bahawa Rasulullah S.A.W. melakukan sesuatu perkara berpandukan wahyu dan Allah S.W.T. membuat perumpamaan antara orang yang buta dan orang yang celik.

Berdasarkan ayat di atas;

- Apakah maksud *أَلْأَعْمَى*? [2 markah]
- Jelaskan siapakah yang diumpamakan sebagai *orang yang buta dan orang yang celik*. [4 markah]
- Terangkan **dua** pengajaran yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian. [4 markah]



### Ulasan Soalan

#### Soalan 1(a)i

Pelajar diminta menerangkan maksud *أَلْأَعْمَى*.

#### Soalan 1(a)ii

Soalan ini meminta pelajar menjelaskan siapakah yang diumpamakan sebagai orang yang buta dan orang yang celik dalam ayat.

#### Soalan 1(a)iii

Pelajar dikehendaki menerangkan dua pengajaran yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian.